

02/04/1998

Mesyuarat Asem-2 medan pertembungan pendapat

Azizi Othman in London

MESYUARAT Asia-Eropah Kedua (Asem-2), bermula di London, esok dengan menemukan 10 pemimpin Asia dan 15 pemimpin Eropah di meja perbincangan.

Dua tahun lalu, ketika Asem-1 berlangsung di Bangkok, Thailand, tumpuan yang diberikan dunia terhadap mesyuarat berkenaan amat kecil. Tiada isu hangat yang dibincangkan. Mesyuarat pada amnya berkisar kepada isu picisan dengan pemimpin negara Asia lebih cenderung mencanangkan kejayaan pertumbuhan ekonomi masing-masing manakala Kesatuan Eropah (EU) terus-terusan mendesak supaya pasaran Asia dilonggarkan sedikit bagi membolehkan mereka mendapat sebahagian daripada manfaat kemakmuran ekonomi Asia.

Kini, dua tahun berlalu dan Asem-2 yang bermula esok menarik perhatian dunia. Jika dulu, tiada isu khusus dibincangkan, kini kalangan pemimpin Asia dan Eropah duduk di meja perbincangan dengan agenda jelas iaitu membincangkan mengenai kegawatan ekonomi Asia. Pun begitu, ia tidaklah semudah yang diungkapkan. Realitinya, jauh di sudut hati pemimpin berkenaan, wujud arus pertentangan yang kini semakin kuat bergelodak.

Tidak keterlaluan jika dikatakan, walaupun agenda utama mengenai kegawatan ekonomi itu sudah digariskan, Asia dan Eropah masih bercanggah pendapat. Ringkasnya, Asem-2 akan menjadi medan pemimpin Asia mendesak komitmen lebih tinggi daripada Eropah dalam membantu mereka mengatasi kegawatan manakala rakan sejawat mereka dari EU dijangka menegaskan bahawa gagasan pasaran tunggal Eropah adalah bukti komitmen mereka ke arah itu kerana ia bermakna pasaran rantau berkenaan kini terbuka kepada Asia.

Ketika pemimpin Asia dijangka menyindir sinis warga Eropah yang bersikap 'lepas tangan' dalam membantu mereka, pemimpin EU dijangka mencanangkan kejayaan mereka melancarkan satu dana khas yang diuruskan oleh Bank Dunia sebagai gerakan kolektif membantu Asia. Ketika Asia menyatakan pesimisme mereka terhadap keberkesanan Asem-2 membantu mengatasi kegawatan, EU menyatakan bahawa sikap begitu tidak seharusnya ada jika Asia mahu melihat sesuatu dihasilkan.

Sama ada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair ini mampu menghapuskan perbezaan itu, terlalu sukar diramalkan. Pertembungan pendapat dua benua itu nampaknya kini semakin ampuh, tegar dan sukar dilentur. Sehingga ini, keyakinan kepada Asia ialah sikap positif Britain sebagai tuan rumah Asem-2 berhubung isu itu. Ditambah dengan statusnya sebagai Presiden EU tahun ini.

Sebenarnya, percanggahan pendapat Asia-EU berhubung isu ini bukan lagi rahsia. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua minggu lalu secara terbuka menyatakan beliau tidak yakin Asem-2 mampu memberikan sebarang hasil positif. Bulan lalu, Menteri Kanan Singapura, Lee Kwan Yew membidas sikap EU yang disifatkannya sebagai 'lembap' dalam membantu Asia menangani krisis ekonominya.

Sementara itu, pemimpin EU pula menyifatkan sikap Asia yang cenderung untuk membuat kesimpulan bahawa Eropah tidak prihatin dengan masalah berkenaan tidak sepatutnya berlaku. Pegawai EU berkata, Eropah sudah pasti mengambil berat mengenai Asia kerana ia adalah pasaran bagi lebih satu perempat eksportnya. Sebarang masalah di Asia bermakna eksport EU akan berkurangan. Selain itu, institusi kewangan Eropah mempunyai pendedahan yang amat besar kepada Asia - jauh lebih tinggi berbanding rakan mereka di Amerika atau Jepun.

(END)